



*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

## **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**6 Februari 2018**

1. Lelaki hidap wabak anjing gila meninggal; Berita Harian
2. Kilang ayam diberi 6 bulan bersih najis; Berita Harian

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA  
BAHAGIAN PERANCANGAN  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

| MEDIA CETAK                                       |  | MEDIA ELEKTRONIK                         |  |
|---|--|--|--|
| <input checked="" type="checkbox"/> BERITA HARIAN | <input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL              | <input type="checkbox"/> BERITA HARIAN   | <input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL  |
| <input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA          | <input type="checkbox"/> THE STAR                    | <input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA | <input type="checkbox"/> THE STAR        |
| <input type="checkbox"/> SINAR HARIAN             | <input type="checkbox"/> KOSMO                       | <input type="checkbox"/> SINAR HARIAN    | <input type="checkbox"/> KOSMO           |
| <input type="checkbox"/> HARIAN METRO             | <input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME             | <input type="checkbox"/> HARIAN METRO    | <input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME |
| <input type="checkbox"/> THE SUN                  | <input type="checkbox"/> SUNDAY STAR                 | <input type="checkbox"/> THE SUN         |  |
| <b>RUANGAN : Kesihatan</b>                        | <b>M/SURAT:</b> <input type="text" value="18"/>      | <b>RUANGAN :</b>                         |  |
| PERKARA   |  |  |  |
| <input type="checkbox"/> DASAR JABATAN            | <input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT              | <input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI  | <input type="checkbox"/> PELBAGAI        |
| <input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM           | <input checked="" type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT | <input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN  |  |
| <input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN         | <input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR         | <input type="checkbox"/> ADUAN           |  |
| TARIKH  |  |  |  |
| 6 Februari 2018                                   |  |  |  |

## KESIHATAN

# Lelaki hidap wabak anjing gila meninggal

Mangsa ke-6 rabies tunjuk gejala neurologi ketika dirawat di HUS

**Oleh Ekhwan Haque  
Fazul Haque  
ekhwan@hmetro.com.my**

**Kuching**

Selepas lebih seminggu bertarung nyawa, lelaki yang disahkan menghidap wabak rabies atau anjing gila disahkan meninggal dunia di Hospital Umum Sarawak (HUS) petang semalam.

Pengarah Kesihatan Sarawak, Dr Jamilah Hashim, berkata mangsa yang berusia 59 tahun itu disahkan meninggal dunia pada jam 4.44 petang ketika menerima rawatan lanjut di hospital berkenaan.

Beliau berkata mangsa digigit anjing pada November tahun lalu di kawasan Jalan Batu Kawa-Matang sebelum disahkan menghidap rabies pada 24 Januari lalu selepas mengalami simptom hydrophobia, halusinasi dan agresif.

"Mangsa mendapatkan rawatan di hospital 24 Januari lalu mula menunjukkan gejala neurologi. Dia disahkan meninggal dunia ketika menerima rawatan di HUS dan menjadi mangsa keenam wabak itu.

**Tiada kes baharu**  
"Sehingga semalam, jumlah kes rabies dalam kalangan manusia masih tujuh orang iaitu enam meninggal dunia dan hanya seorang kes yang selamat iaitu kanak-kanak berumur tujuh tahun dari Kampung Kuala, Serian.

"Pesakit dibenarkan keluar daripada hospital 31 Januari lalu dan sehingga kini tiada kes baharu dilaporkan buat masa ini," katanya dalam kenyataan, di sini.

Beliau berkata sejak 1 Julai lalu hingga semalam, sebanyak 29 lokality di dalam lima bahagian di Sarawak didapati positif rabies antaranya Serian, Samarahan, Sri Aman, Kuching dan Sarikei. Ka-

tanya, orang ramai yang digigit haiwan khususnya anjing dinasihatkan segera mendapatkan rawatan di hospital terdekat bagi membolehkan mereka disuntik vaksin secepat mungkin.

Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, sebelum ini dilaporkan berkata, kerajaan negeri menandatangani perjanjian dengan perusahaan swasta untuk meningkatkan kawalan terhadap wabak rabies.

### BAGAIMANA WABAK INI MENULAR

#### RABIES (anjing gila)

1. Jangkitan berlaku jika pada kulit manusia yang terdedah kepada air liur, cecair atau tisu tubuh daripada haiwan yang dijangkiti rabies.
2. Ia boleh menjangkiti manusia melalui luka gigitan anjing yang dijangkiti rabies.
3. Penularan virus rabies biasanya bermula apabila air liur haiwan yang dijangkiti menjangkiti manusia yang sakit.
4. Kebanyakan terbitan media jika gigitan yang terbitan air liur yang dijangkiti rabies.

**HAIWAN PEMSAWA WABAK RABIES**

- Kanserang dan demam
- Air liur berkebabut
- Langkah otot dan anggota badan serta sakit menelan

99% kes rabies mubadikasikan mangsa disahkan gigitan anjing

**Adakah ia berkesan?**

Saluran untuk rabies adalah 100 peratus berkesan. Ia akan menghardikan penyakit dari menjangkiti manusia atau haiwan yang diwanakan.

**Bagaimana ia berkesan?**

Saluran berkesan akan meringkang badan untuk menghardikan protein yang dipanggil antibodi bagi melawan virus rabies.

**Dimana haiwan peliharaan boleh mendapat suntikan vaksin?**

Ia boleh didapati di klinik veterinar kerajaan dan swasta.

**Anggaran kos**

Dianggarkan sekitar RM480 hingga RM900 di klinik swasta. Sebelum itu, pemilik haiwan peliharaan perlu pastikan perkhidmatan vaksinasi disediakan atau tidak di klinik berkenaan.

**A Langkah pencegahan sebelum jangkitan**

- Elak haiwan peliharaan berada di kawasan wabak
- Dapatkan vaksinasi secara tahunan
- Hadkan pergerakan di kawasan wabak
- Pantau perubahan kelakuan haiwan peliharaan
- Pelak terhadap sebarang insiden penularan wabak di kawasan berdekatan

**B Langkah pencegahan setelah jangkitan**

- Kuarantin
- Sekiranya tanda berkecuali, haiwan peliharaan hendaklah diisohkan
- Bersihkan luka gigitan dengan sabun dan air
- Bawa haiwan peliharaan ke klinik veterinar segera

| MEDIA CETAK                                       |  | MEDIA ELEKTRONIK                         |  |
|---|--|--|--|
| <input checked="" type="checkbox"/> BERITA HARIAN | <input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL              | <input type="checkbox"/> BERITA HARIAN   | <input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL  |
| <input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA          | <input type="checkbox"/> THE STAR                    | <input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA | <input type="checkbox"/> THE STAR        |
| <input type="checkbox"/> SINAR HARIAN             | <input type="checkbox"/> KOSMO                       | <input type="checkbox"/> SINAR HARIAN    | <input type="checkbox"/> KOSMO           |
| <input type="checkbox"/> HARIAN METRO             | <input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME             | <input type="checkbox"/> HARIAN METRO    | <input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME |
| <input type="checkbox"/> THE SUN                  | <input type="checkbox"/> SUNDAY STAR                 | <input type="checkbox"/> THE SUN         |  |
| RUANGAN : Dalam negeri                            |  | M/SURAT: <input type="text" value="24"/> | RUANGAN :                                |
| PERKARA   |  |  |  |
| <input type="checkbox"/> DASAR JABATAN            | <input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT              | <input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI  | <input type="checkbox"/> PELBAGAI        |
| <input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM           | <input checked="" type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT | <input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN  |  |
| <input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN         | <input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR         | <input type="checkbox"/> ADUAN           |  |
| TARIKH  |  |  |  |
| 6 Februari 2018                                   |  |  |  |

